

SUKIPT 2024 buka tirai

Oleh **Izzali Ismail** - September 6, 2024 @ 4:24pm
bhsukan@bh.com.my



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian (tengah) menyampaikan cenderahati kepada kontinjen yang bertanding pada kejohanan SUKIPT 2024 selepas merasmikan perkampungan sukan institusi pendidikan di UUM sebentar tadi. - Foto NSTP

SINTOK: Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) kembali membuka tirainya bermula semalam hingga 14 September ini di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah dengan lebih 6,000 atlet daripada 76 kontinjen mengambil bahagian.

Menyingkap sejarah penganjuran SUKIPT, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pernah menjadi tuan rumah pada edisi 2014 diikuti Universiti Teknologi Malaysia

(UTM) di Skudai pada 2016, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi (2018) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim 2022.

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli pencapaian dengan tiga kejuaraan pada 2012, 2018 dan 2022 manakala UiTM melakar kejuaraan pada 2014 dan 2016.

SUKIPT 2024 adalah platform terbaik buat atlet untuk meneruskan kejayaan di peringkat antarabangsa seperti Sukan Universiti ASEAN (AUG), Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE), Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Apa menarik perhatian kali ini ialah habuan sebanyak RM20,000 bakal direbut atlet sekiranya berjaya memecahkan rekod kebangsaan di temasya ini seperti diumumkan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud pada pelancaran temasya 17 Julai lalu.

Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT bakal menerima wang tunai RM3,000 setiap seorang, manakala pasukan terbaik lelaki dan wanita pula masing-masing berpeluang menerima wang tunai RM7,000.

SUKIPT 2024 juga adalah kejohanan pertama di negara menekankan aspek 'low carbon' yang akan membawa kejohanan ini ke arah meminimumkan penggunaan karbon dalam setiap aktivitinya.

Temasya kali ini menawarkan 231 pingat dalam 28 acara sukan antaranya seperti badminton, berbasikal, bola jaring, bola keranjang, bola sepak dan hoki di 19 venue pertandingan.